

31/01/1999

Johor rayu teruskan bina lebuhraya

Nadzim Ahmad Jamalludin

JOHOR BAHRU: Kerajaan Johor akan menghantar surat permohonan rasmi kepada Kerajaan Pusat supaya tidak menangguhkan pembinaan tiga lebuhraya termasuk pembinaan lebuhraya yang menghubungkan bahagian barat dan timur negeri ini yang sudah diluluskan Kabinet.

Lebuhraya yang ditangguhkan pembinaannya di negeri ini ialah Lebuhraya Segamat-Muar merangkumi pembinaan jambatan kedua Muar dan Lebuhraya Johor Bahru-Pasir Gudang.

Lebuhraya yang sudah diluluskan Kabinet tetapi ditangguhkan pembinaannya ialah lebuhraya yang menghubungkan Senai-Kong-Kong (di barat Johor) dengan Desaru (di timur Johor).

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata kerajaan Johor akan merayu Kerajaan Pusat supaya tidak menangguhkan pembinaan lebuhraya di Johor khususnya lebuhraya yang menghubungkan Segamat-Muar kerana ia juga membabitkan pembinaan jambatan kedua Muar.

Menurutnya, fasa pembinaan (Lebuhraya Segamat-Muar yang membabitkan pembinaan jambatan kedua Muar) yang akan dilaksanakan tahun ini bukan saja amat penting malah masyarakat di utara Johor khususnya daerah Muar amat berharap jambatan itu dibina kerana jambatan sedia ada begitu sesak sekali dari segi penggunaannya.

"Oleh kerana keperluannya agak mendesak, saya yakin bahawa pengguna akan membayar tol terhadap penggunaan lebuhraya itu dan jambatan berkenaan. Jika ada pihak yang tidak rela membayar tol, maka jambatan yang sedia ada adalah satu alternatif untuk mereka."

"Selain pembinaan Lebuhraya Segamat-Muar, kerajaan negeri juga berharap kerajaan Pusat akan menimbang untuk meneruskan pembinaan Lebuhraya Johor Bahru-Pasir Gudang memandangkan lebuhraya yang sedia ada tidak dapat menampung jumlah penggunaannya."

"Pasir Gudang adalah kawasan pelabuhan dan perindustrian yang tinggi kependudukannya. Jadi kita harap ini adalah dua projek yang dapat dilaksanakan tanpa ditangguhkan," katanya selepas menghadiri majlis perjumpaan Aidilfitri Umno Bahagian Johor Bahru di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengumumkan keputusan Kabinet untuk menangguhkan pembinaan semua lebuhraya di seluruh negara berikutan pengguna yang dikatakan tidak bersedia menggunakan jalan berkualiti dan membayar tol.

Selain Johor, kerajaan Terengganu juga dikatakan akan meminta Kerajaan Pusat menimbang semula keputusan menangguhkan keputusan itu khususnya membabitkan pembinaan Lebuhraya Karak-Kuantan-Chendering.

(END)